

Saintis S'pura, Norway hasilkan ujian klinikal buat vaksin

SEKOLAH Perubatan Duke-NUS sedang bekerjasama dengan Gabungan Inovasi Kesedaran Jangkitan (CEPI) yang berpangkalan di Oslo, Norway, untuk menghasilkan ujian klinikal bagi membuat vaksin Covid-19.

Saintis daripada Sekolah Perubatan Duke-NUS dan rakan kongsi antarabangsa itu akan memulakan ujian pada tahun ini.

Awal daripada ini, Menteri Kesihatan Gan Kim Yong berkata di Parlimen pada 25 Mac lalu bahawa dengan semua usaha berterusan ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan paling awal satu vaksin boleh dihasilkan sekitar tahun depan.

“Kita tidak tahu berapa lama pandemik ini akan berlarutan, tetapi kita perlu merancang, dengan berlandaskan bahawa Covid-19 akan berada bersama kita bagi tempoh agak lama, mungkin sehingga hujung tahun ini atau lebih lama, dan memastikan kita mempunyai sumber dan keupayaan mencukupi bagi mengharunginya,” ujar Encik Gan.

Negara-negara sedang bekerjasama untuk mengenal pasti vaksin berpotensi dan menjalankan ujian.

“Bagi vaksin, saintis di seluruh dunia telah berjaya mengasingkan dan membekalkan virus itu, yang akan membantu dalam penghasilan vaksin,” kata Encik Gan.

PBB sebelum ini meramalkan tempoh paling awal vaksin dapat disiapkan adalah pada 2021.

Sebuah kumpulan kerja terapeutik Covid-19 merangkumi anggota daripada pelbagai hospital dan disiplin berbeza serta Penguasa Sains Kesihatan (HSA), ditubuhkan untuk mengkaji penggunaan ubatan antivirus yang diubah bagi tujuan lain untuk merawat pesakit Covid-19 di Singapura.

Encik Gan berkata kumpulan itu akan



PERCEPAT UJIAN: Seorang penyelidik bekerja di makmal Sekolah Perubatan Duke-NUS bagi mengusahakan cara mengesan perubahan genetik yang mempercepat ujian vaksin terhadap koronavirus Covid-19 di Singapura. – Foto REUTERS

menghasilkan garis panduan untuk menggunakan ubat-ubatan tersebut, yang termasuk ubat anti-HIV Lopinavir dan Ritonavir, Interferon Beta-1B dan *hydroxychloroquine*.

Pada Februari, ketua saintis Kementerian Kesihatan (MOH), Profesor Tan Chorh Chuan, memberitahu bahawa saintis Singapura sedang berusaha menghasilkan vaksin bagi koronavirus, dengan rancangan mula mengujinya dalam masa sesingkat tiga bulan.

Percubaan vaksin itu akan melibatkan

pemberian vaksin kepada relawan yang sihat, yang akan dipantau bagi kesan sampingan.

Mereka juga akan dipantau bagi melihat kesan vaksin itu ke atas sistem ketahanan tubuh.

Vaksin itu pada dasarnya merangsang sistem ketahanan individu agar ia meningkatkan respons perlindungan terhadap virus tersebut.

CEPI merupakan sebuah perikatan awam-privet yang bertujuan menentang wabak dengan mempercepat peenghasilan vaksin.